

Sekitar pilihan raya kampus

# Tenang tanpa kem



FOTO | Amran Hamid

>>Oleh Maiamalina  
Mohamed Amin

maiamalina@hmetro.com.my

**G**OMBAK: Pendirian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mahu semua calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertanding atas tiket bebas memberi kelebihan apabila tiada hurra-hara atau provokasi yang sengaja ditimbulkan calon bertanding.

Suasana bersaing secara tenang jelas kelihatan di kampus utama universiti itu di sini dan kampus Kuantan, Pahang sepanjang lima hari berkempen mahupun pengumuman keputusan pilihan raya kampus berkenaan, semalam.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, berkata UIAM sentiasa pastikan tiada puak atau kem tertentu mewakili calon kerana mahu mereka yang dipilih benar-benar memperjuangkan isu pelajar.

“Memang dalam perlembagaan perwakilan pelajar kampus putuskan supaya ada yang boleh menjayakan misi dan visi universiti, justeru tidak mahu ada wakil pelajar yang menyimpang daripada itu.

“Tidak timbul juga soal pilihan raya kampus ini sebagai wadah sebaran politik dan kita tidak mengenal pasti calon sama ada dia didalangi kem Pro-Aspirasi (Pro-A) atau Pro-Mahasiswa (Pro-M),” katanya ditemui selepas pengumuman keputusan pilihan raya MPP UIAM 2010/2011, di sini, semalam.

Keputusan dibacakan Pengarah Pi-



**GEMBIRA...Prof Dr Nik Ahmad Kamal (tiga dari kanan, depan) bersama calon yang memenangi pilihan raya kampus Universiti Islam Antarabangsa, semalam.**

lihan Raya, Fauzi Muda jam 6.30 petang selepas pembuangan undi di enam pusat ditutup jam 5 petang.

Sebanyak 19 kerusi daripada 31 kerusi yang dipertandingkan menang tanpa bertanding termasuk sembilan kerusi di kampus Kuantan.

Bagaimanapun, peratusan mahasiswa keluar mengundi menurun berbanding tahun lalu apabila hanya 65.68 peratus pelajar saja menjalankan tanggungjawab sedangkan tahun lalu membabitkan 67.8 peratus pelajar.

Sementara itu, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyaksikan barisan kepemimpinan MPP dikuasai Pro-M seperti di Universiti

Malaya apabila menang selesa 22 kerusi daripada 37 yang dipertandingkan.

Manakala, di Universiti Putra Malaysia (UPM), calon Pro-A mengungguli kepemimpinan dengan dominasi 31 kerusi berbanding 42 kerusi dipertandingkan.

Mengulas kewujudan kem berbeza di universiti lain, Nik Ahmad Kamal berkata, agak sukar mentafsirkan keadaan itu berikutan ia mungkin sudah wujud sejak bertahun lamanya.

“Di universiti lain (Pro-A dan Pro-M) sudah jadi akar umbi. Boleh diubah kalau dia menerapkan konsep sayangkan negara, dan di UIA kita kata sayang agama,” katanya.